

D.R. 3/2005

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Angkatan Tentera (Pindaan) 2005.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 161

2. Akta Angkatan Tentera 1972 [*Akta 77*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dengan menggantikan seksyen 161 dengan seksyen yang berikut:

"Pampasan kerana kehilangan yang disebabkan oleh perbuatan salah atau kecuaiian

161. (1) Tanpa menjejaskan peruntukan Akta ini mengenai pengenaan tahanan gaji sebagai hukuman, peruntukan-peruntukan yang berikut hendaklah mempunyai kuat kuasa

jika selepas suatu siasatan oleh suatu lembaga siasatan mengikut Kaedah-Kaedah Lembaga Siasatan pihak berkuasa yang layak berpendapat bahawa mana-mana pegawai atau askar-lasykar—

- (a) telah menyebabkan apa-apa kehilangan, atau kerosakan kepada, harta perkhidmatan atau harta awam;
- (b) telah gagal untuk memungut apa-apa wang yang terhutang kepada Kerajaan Persekutuan yang baginya dia adalah atau telah bertanggungjawab;
- (c) adalah atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa pembayaran yang tidak sepatutnya wang awam Kerajaan Persekutuan atau bagi apa-apa pembayaran wang awam yang tidak disahkan dengan sewajarnya;
- (d) adalah atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa kekurangan dalam, atau bagi pemusnahan, apa-apa wang awam, setem, sekuriti, barang simpanan atau harta lain Kerajaan Persekutuan;
- (e) sebagai pegawai perakaunan atau sebagai seorang yang pernah menjadi pegawai perakaunan, gagal atau telah gagal untuk menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya;
- (f) telah gagal untuk membuat apa-apa pembayaran, atau adalah atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa kelewatan dalam pembayaran, wang awam Kerajaan Persekutuan kepada mana-mana orang yang kepadanya bayaran itu kena dibayar di bawah mana-mana undang-undang atau di bawah mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan yang sah yang dibuat dengan orang itu,

dan yang disebut terdahulu itu telah disebabkan oleh apa-apa perbuatan salah atau kecuaiian seseorang pegawai atau askar-lasykar angkatan tetap (kemudian daripada ini disebut "orang yang bertanggungjawab").

(2) Pihak berkuasa yang layak hendaklah menghendaki orang yang bertanggungjawab itu memberikan penjelasan tentang perbuatan salah atau kecuaiian yang telah berlaku dan jika penjelasan yang memuaskan tidak diberikan dalam tempoh yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang layak itu, pihak berkuasa yang layak itu boleh memerintahkan orang yang

bertanggungjawab itu (sama ada atau tidak dia seorang anggota angkatan tetap pada masa perintah itu dibuat) membayar, sebagai atau terhadap pampasan, sejumlah wang yang tidak melebihi amaun apa-apa kehilangan terhadap atau kerosakan kepada harta perkhidmatan atau harta awam, atau mana-mana amaun yang tidak dipungut, atau mana-mana pembayaran, kekurangan atau kehilangan atau nilai harta yang dimusnahkan, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan berhubung dengan kegagalan untuk menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya, atau kegagalan untuk membuat pembayaran, atau kelewatan dalam membuat pembayaran, pihak berkuasa yang layak itu boleh memerintahkan orang yang bertanggungjawab itu membayar apa-apa jumlah wang yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa yang layak itu.

(3) Pihak berkuasa yang layak hendaklah menyebabkan supaya pegawai memerintah atau ketua jabatan orang yang bertanggungjawab itu diberitahu tentang apa-apa perintah atau apa-apa keputusan yang dibuat di bawah subseksyen (2), dan pegawai memerintah atau ketua jabatan itu hendaklah sesudah itu memberitahu orang yang bertanggungjawab itu tentang apa-apa perintah atau keputusan itu.

(4) Apa-apa amaun yang diperintahkan supaya dibayar di bawah seksyen ini hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan daripada orang yang bertanggungjawab yang terhadapnya perintah itu dibuat dan amaun itu boleh dituntut dan didapati dalam mana-mana mahkamah atas guaman Kerajaan dan boleh juga, jika diarahkan oleh pihak berkuasa yang layak, didapati melalui potongan —

(a) daripada gaji orang yang bertanggungjawab itu; atau

(b) daripada pencen orang yang bertanggungjawab itu,

dengan ansuran bulanan yang sama banyak yang tidak melebihi satu perempat daripada jumlah gaji atau pencen bulanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, orang yang bertanggungjawab itu.

(5) Tiada perintah boleh dibuat di bawah peruntukan subseksyen (4) jika, dalam prosiding di bawah Akta ini di hadapan sesuatu mahkamah tentera, sesuatu pihak berkuasa

atasan yang berkenaan atau seseorang pegawai memerintah, orang yang bertanggungjawab itu —

- (a) telah dibebaskan dalam hal keadaan yang melibatkan dapatan bahawa dia tidak bersalah atas perbuatan salah atau kecuaiannya itu; atau
- (b) telah dikenakan tahanan gaji berkenaan dengan kehilangan atau kerosakan yang itu juga,

tetapi kecuali sebagaimana yang tersebut dahulu, hakikat bahawa apa-apa prosiding sedemikian telah dibawa berkenaan dengan perbuatan salah atau kecuaiannya itu tidaklah menghalang pembuatan perintah atau potongan di bawah subseksyen (4).

(6) Bagi maksud seksyen ini—

"pegawai perakaunan" termasuklah tiap-tiap pegawai atau askar-lasykar yang dipertanggungjawabkan dengan kewajipan untuk memungut, menerima, atau mengakaunkan, atau yang sebenarnya memungut, menerima atau mengakaunkan, apa-apa wang awam, atau yang dipertanggungjawabkan dengan kewajipan untuk membuat pembayaran, atau yang sebenarnya membuat pembayaran, apa-apa wang awam, dan tiap-tiap pegawai atau askar-lasykar yang dipertanggungjawabkan dengan penerimaan, penjagaan atau pelupusan, atau pengakaunan, barang simpanan awam atau yang sebenarnya menerima, memegang atau melupuskan barang simpanan awam;

"wang awam" ertinya segala hasil, pinjaman, amanah dan wang lain dan segala bon, debentur, dan sekuriti lain yang diperdapatkan atau diterima oleh atau bagi akaun Kerajaan Persekutuan."

Seksyen baru 201B dan 201C

3. Akta ini dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 201A seksyen yang berikut:

"Cuti untuk latihan atau pertugasan

201B. (1) Tanpa menjejaskan peruntukan Akta Khidmat Negara 1952, tiap-tiap majikan hendaklah, jika mana-mana orang yang bekerja dengannya yang merupakan seorang anggota sesuatu angkatan sukarela dipanggil untuk latihan atau pertugasan

di bawah Akta ini, memberi orang itu cuti selama tempoh latihan atau pertugasan itu bagi membolehkannya menjalani latihan atau pertugasan itu.

- (2) Tiada majikan boleh—
- (a) membuat atau menyebabkan supaya dibuat apa-apa pemindahan atau potongan tidak wajar daripada gaji, saraan lain atau cuti tahunan orang itu;
 - (b) mengenakan atau menyebabkan supaya dikenakan ke atas atau menuntut daripada orang itu apa-apa penalti; atau
 - (c) mengubah terma dan syarat pekerjaan orang itu sehingga memudaratkannya,

semata-mata oleh sebab ketidakhadirannya bekerja dalam tempoh latihan atau pertugasan itu.

- (3) Mana-mana majikan yang —
- (a) secara langsung atau tidak langsung enggan atau, dengan menakut-nakuti, pengaruh tidak wajar, atau dengan apa-apa cara lain, mengganggu pemberian kepada mana-mana orang tempoh cuti yang dikehendaki di bawah subseksyen (1); atau
 - (b) melanggar subseksyen (2),

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi enam ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(4) Mahkamah awam yang mensabitkan seseorang majikan atas suatu kesalahan di bawah subseksyen (3) kerana pelanggaran subseksyen (2) boleh memerintahkan supaya majikan itu membayar kepada orang yang disebut dalam subseksyen (2) gaji dan saraan lain yang kepadanya orang itu berhak selama tempoh latihan atau pertugasan itu.

Larangan pembuangan pekerja kerana latihan atau pertugasan

201c. (1) Tanpamenjelaskanperuntukan Akta Khidmat Negara 1952, tiap-tiap majikan yang menamatkan pekerjaan mana-mana orang yang bekerja dengannya, yang merupakan seorang

Rang Undang-Undang

anggota sesuatu angkatan sukarela, tanpa keizinan orang itu semata-mata atau terutamanya kerana orang itu dipanggil untuk latihan atau pertugasan di bawah Akta ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi enam ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Mahkamah awam yang mensabitkan seseorang majikan di bawah subseksyen (1) boleh memerintahkan supaya majikan itu membayar kepada orang yang pekerjaannya ditamatkan, sebagai pampasan bagi apa-apa kerugian yang ditanggung atau mungkin akan ditanggung olehnya disebabkan oleh penamatan itu, suatu jumlah wang tidak melebihi amaun yang bersamaan dengan saraan enam bulan pada kadar saraan itu terakhir kena dibayar kepada orang itu oleh majikan itu."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972 ("Akta 77").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 161 Akta 77 untuk menggantikan peruntukan yang sedia ada berhubung dengan pampasan kerana kehilangan yang disebabkan oleh perbuatan salah atau kecuaiannya seseorang pegawai atau askar-lasykar angkatan tetap. Seksyen 161 yang baru mengandungi peruntukan yang lebih terperinci tentang perbuatan atau peninggalan yang menjadi perbuatan salah atau kecuaiannya itu dan tatacara yang hendaklah diikuti berhubung dengan pembuatan perintah bagi pampasan.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 201B dan 201c ke dalam Akta 77. Seksyen baru 201a mengandungi peruntukan yang menghendaki majikan membenarkan pekerja mereka yang merupakan anggota angkatan sukarela menjalani latihan atau pertugasan. Seksyen baru 201c mengandungi peruntukan yang melarang majikan daripada membuang kerja pekerja mereka yang merupakan anggota angkatan sukarela semata-mata atau terutamanya kerana pekerja itu telah dipanggil untuk menghadiri latihan atau pertugasan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2408]

